

Guna cap jari masuk Windows 10

BAGAIMANAKAH untuk tetapkan pengesahan masuk ke dalam sistem Windows 10 menggunakan cap jari?

- Din, JB.

Microsoft memperkenalkan fungsi *Windows Hello* dalam sistem pengoperasian Windows 10.

Windows Hello merupakan satu fungsian berasaskan keselamatan yang membuatkan mana-mana peranti atau gajet berasaskan Windows 10 boleh dicapai dengan lebih bersifat peribadi.

Antara kelebihan fungsi *Windows Hello* ini ialah ia menyokong sistem pengesahan menggunakan biometrik yang membenarkan pengguna menggunakan muka, iris atau cap jari untuk log masuk ke dalam komputer.

Menerusi soalan yang ditanya, kita merujuk kepada penggunaan cap jari dalam fungsi *Windows Hello*.

Pertama sekali, fungsi

Diskusi
ICT



Bersama **FIRKHAN**
sembangjit@yahoo.com

ini akan berfungsi hanya pada peranti atau gajet yang mempunyai perkakasan dan sensor untuk cap jari.

Oleh itu, mana-mana komputer, tablet, telefon pintar atau peranti yang mempunyai sensor cap jari yang terbina bersamanya, biasanya sesuai dengan sistem Windows 10.

Dua perkara yang perlu dilakukan iaitu konfigurasi dan tambahkan fungsi ini ke dalam akaun pada sistem Windows 10.

1 Pergi ke *Setting > Accounts > Sign-in options > Windows Hello*.

2 Pilih *Setup* pada menu *Fingerprint*.

3 Perlu tetapkan Nombor Pengenalan Individu (PIN) dahulu sebelum menggunakan *Windows Hello*.

4 Masukkan nombor PIN.

5 Imbas cap jari pada sensor cap jari dengan berhati-hati sehingga dapatannya tiada masalah.

Seandainya nombor PIN atau cap jari tidak berfungsi atau bermasalah, *booth* komputer ke dalam mod selamat kerana ia hanya memerlukan capaian menggunakan kata laluan sahaja.

Bagi kemasukan log menerusi domain rangkaian, secara lazimnya, fungsi ini tidak menyokong penggunaan cap jari.

Oleh itu perlu ada pengubahsuaian konfigurasi agar cap jari boleh digunakan untuk log masuk menerusi domain rangkaian.